

HASiL/2026/05/09 – 30

**E-INVOIS MENYOKONG INISIATIF PRAISI MAKLUMAT**  
**PELEPASAN CUKAI INDIVIDU**

**CYBERJAYA, 9 MEI 2026** – Pelaksanaan e-Invois secara berperingkat merupakan satu langkah penting dalam usaha memperkukuh ekosistem percukaian digital negara ke arah yang lebih efisien serta memudahkan urusan pematuhan cukai. Dalam menyokong inisiatif ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) menggalakkan pembayar cukai sebagai pembeli untuk memohon e-Invois bagi setiap transaksi perbelanjaan yang berkaitan dengan pelepasan cukai individu bermula tahun ini.

Pendekatan ini merupakan langkah proaktif HASiL ke arah projek rintis pengisian maklumat pelepasan cukai secara praisi yang berasaskan data transaksi e-Invois ke dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Taksiran 2026. Antara perbelanjaan yang berpotensi untuk dipraisi termasuk pembelian komputer peribadi atau telefon pintar, perbelanjaan berkaitan gaya hidup, insurans dan yuran taman asuhan kanak-kanak serta kategori pelepasan lain yang ditetapkan.

Bagi tujuan mendapatkan e-Invois, pembeli perlu mengemukakan maklumat nombor pengenalan diri atau nombor pengenalan cukai (TIN) kepada penjual bagi membolehkan e-Invois dapat dikeluarkan dengan tepat.

Penggunaan e-Invois bukan sahaja memudahkan pembeli dalam aspek pengurusan dan penyimpanan rekod, malah semakan juga boleh dilakukan melalui Portal MyInvois bagi setiap transaksi perbelanjaan serta pelepasan cukai.

Pembayar cukai boleh menghubungi HASiL melalui saluran khas e-Invois seperti berikut untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat selanjutnya:

- a. Berkunjung ke Pejabat HASiL;
- b. Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- c. MyInvois *Live Chat*;
- d. E-mel [myinvois@hasil.gov.my](mailto:myinvois@hasil.gov.my) bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- e. Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

MEMACU EKOSISTEM  
**CUKAI PINTAR**

---

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Khidmat Korporat**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 9 Mei 2026**